



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

7 SEPTEMBER 2019

NASIHAT CUACA BERJEREBU

Keadaan cuaca berjerebu yang sedang dialami beberapa kawasan dalam negara terutamanya di negeri-negeri pantai barat Semenanjung dan barat Sarawak ketika ini adalah berikutan daripada peningkatan bilangan titik panas yang berlaku di Sumatra dan Kalimantan. Kemungkinan berlaku hujan lebat di Sumatra, Kalimantan, Indonesia termasuk negara kita adalah rendah dalam tempoh seminggu akan datang.

Sehubungan itu, potensi negara mengalami cuaca berjerebu rentas sempadan masih tinggi terutama di barat dan selatan Semenanjung serta barat Sarawak. Keadaan cuaca berjerebu ini dijangka boleh bertambah buruk sekiranya aktiviti kebakaran di negara jiran tidak terkawal. Risiko cuaca berjerebu dalam negara masih berpotensi berlaku sehingga berakhir tempoh Monsun Barat Daya iaitu pada penghujung bulan September atau awal Oktober.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti luar dan memakai penutup muka dalam keadaan cuaca berjerebu ketika ini. Orang ramai juga dinasihatkan meminum banyak air dan tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dalam tempoh ini.

Maklumat dan ramalan cuaca terkini daripada Jabatan Meteorologi Malaysia boleh diperoleh melalui laman web, aplikasi myCuaca dan media sosial.

Sumber:
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim
(MESTECC)
7 SEPTEMBER 2019



www.met.gov.my



myCuaca



[metmalaysia](https://www.instagram.com/metmalaysia)

RakanMET rakanmet.met.gov.my



mygempa.met.gov.my



[@malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet)



[@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet)



1-300-22-1638